

16/07/1998

Iran minat tingkat kerjasama dengan Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu - Iran berminat meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan Malaysia sebagai sebahagian usaha memperluas pelaburan dan mengeratkan hubungan dua hala di antara Kuala Lumpur dan Teheran.

Timbalan Menteri Luar bagi rantau Asia Pasifik Republik Islam Iran, Mohsen Aminzadeh, yang mengadakan lawatan kerja tiga hari ke Malaysia, berkata Teheran mahu membawa hubungan dua hala kedua-dua negara meliputi pelbagai sektor bukan tertumpu kepada industri gas dan minyak saja dengan Malaysia.

Projek kerjasama Petronas dengan dua gergasi minyak Eropah, Gazprom (Jerman) dan Total (Perancis) adalah pembuka langkah kepada peningkatan dagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara, katanya.

Pada pertemuan hampir sejam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menyampaikan mesej Presiden Iran, Mohammad Khatami, beliau membincangkan pelbagai potensi kerjasama dan peningkatan hubungan kedua-dua negara.

Beliau juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, gabungan kerjasama antara Malaysia sebagai negara yang penting di Asia Timur dengan Iran mampu membuka era baru hubungan politik, ekonomi dan sosial di antara kedua-dua negara.

"Iran dan Malaysia boleh menerokai banyak sektor selain gas dan minyak. Peluang pelaburan cukup besar untuk dipersia-siakan oleh kedua-dua negara. Iran memastikan kemajuan ke arah mencapai usaha ini," katanya.

(END)